

Landskap KUIIM

cerminkan seni bina acuan Islam



TUMBUHAN
pokok renek
berbunga me-
rah diselangi
dengan pohon
palm menam-
bah keceriaan
di bahagian
hadapan Fa-
kulti Syariah
dan Undang-
undang KUIIM.

“LIMA tahun pertama adalah masa mengasaskan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) baik dari segi kakitangan, akademik dan pembangunan prasarana.” Itulah kata-kata yang pernah di-
luahkan Rektornya, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukur Husin dalam satu wawancara khas bersama penulis sempena ulang tahun kelima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-12 Malaysia itu.

Malah beliau juga pernah menyuarakan penegasan terhadap peranan yang perlu dimainkan oleh KUIM bagi memastikan lima teras utama dalam Misi Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk menjayakan matlamat di atas bukanlah sesuatu yang mudah tetapi ia tidak mustahil dicapai. Bahkan menerusi siri wawancara dengan beberapa pegawai KUIM, penulis berkeyakinan bahawa usaha memperkenalkan, membina keyakinan masyarakat serta melahirkan graduan KUIM yang bermutu serta setanding dengan IPTA lain di Malaysia akan dapat dicapai.

Apatah lagi KUIM bukan sahaja menekankan dari segi melahirkan graduan yang berkualiti, penyediaan program yang relevan dengan keadaan semasa malah aspek pembangunan prasarana turut menjadi keutamaan kampus KUIM yang terletak di



PINTU masuk utama KUIM di Nilai, Negeri Sembilan yang menghadap Bangunan Pentadbiran adalah mengarah kiblat.



FAKULTI Kepimpinan dan Pengurusan tampak segar dengan rumput dan pepohon hijau.



PEMANDANGAN di bahagian hadapan Bangunan Pentadbiran Sementara.